



UCAPAN MAJLIS AMANAT

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

**MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

10.00 PAGI

29 JANUARI 2021 (JUMAAT)

FACEBOOK LIVE @kpwkm

PENDAHULUAN

1. Sebelum bibir mengukir kata, sebelum kata membibit bicara, izinkan saya terlebih dahulu menzahirkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan perkenan-Nya, Penyampaian Amanat 2021 dari saya dapat jua disempurnakan pada hari Jumaat yang penuh barakah ini.
2. Saya dengan keluhuran hati jua, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Warga Kementerian atas doa yang diutuskan buat saya sepanjang menjalani sesi kuarantin dan mendapatkan rawatan pemulihan COVID-19 baru-baru ini.

UCAPAN PENGHARGAAN

Warga Kementerian yang saya kasihi,

3. Tahun 2020 telah “melabuhkan tirainya” dengan pelbagai kenangan, kini, Tahun 2021 pula “membuka jendelanya” dengan pelbagai cabaran. Di samping kita berdepan dengan darurat dalam memerangi COVID-19, kita terus diuji dengan bencana banjir yang melanda beberapa negeri antaranya Pahang, Terengganu, Kelantan, Johor, Perak, Selangor dan Sabah. Doa saya semoga kita terus kekal bersatu, memberikan perkhidmatan yang jitu, kepada golongan yang perlu dibantu. Inilah masanya, warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

membuktikan komitmen kita dalam menyantuni rakyat di luar sana.

4. Sesungguhnya, saya sangat terharu dengan komitmen dan pengorbanan semua kakitangan Kementerian dan seluruh agensi khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kebajikan Negara Malaysia yang menjadi petugas barisan hadapan dalam menangani Pandemik COVID-19 dan bencana banjir. Tidak dilupakan agensi lain yang berada di bawah payung Kementerian ini seperti Jabatan Pembangunan Wanita, Institut Sosial Malaysia, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara dan Lembaga Kaunselor yang turut menjadi tulang belakang Kementerian dalam menyampaikan khidmat sokongan sosial kepada kumpulan sasar Kementerian.

5. Pada kesempatan ini, saya turut merakamkan jutaan terima kasih kepada sukarelawan Kementerian yang telah menyertai SKUAD PRIHATIN NEGARA dalam misi bantuan banjir ke negeri Johor pada 10 Januari yang lepas. Janganlah kita asyik mempersoalkan apa yang Kerajaan telah beri kepada kita, sebaliknya tanyalah diri, apa pula sumbangan kita kepada negara. Sesungguhnya, sudah tiba masanya kita menyemarakkan lagi semangat kesukarelawanan di peringkat warga kementerian. Ketahuilah, KITA juga adalah wira dan wirawati negara.

PENCAPAIAN TAHUN 2020

Warga Kementerian yang saya kasihi,

6. Kerajaan Perikatan Nasional, adalah Kerajaan yang prihatin. Kerajaan Perikatan Nasional, adalah Kerajaan yang mendengar setiap denyut nadi kesusahan rakyat. Kerajaan Perikatan Nasional juga, adalah Kerajaan yang sama-sama merasai jerih payah keperitan rakyat.

Atas keprihatinan Kerajaan, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN berjumlah 250 bilion ringgit telah dilancarkan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat. Tidak cukup dengan itu, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA berjumlah 35 bilion ringgit dilancarkan dalam usaha memulihkan ekonomi negara.

7. Keprihatinan Kerajaan bukan sekadar mengumumkan bantuan-bantuan tambahan yang menjadi berita gembira, namun Kerajaan terus “mengembara” turun ke setiap lapangan bertanya khabar dan menyaksikan keperitan rakyat menerusi program Kembara Prihatin Negara yang telah bermula pada 1 November 2020 tahun lepas. Program berbentuk outreach ini menyediakan perkhidmatan bergerak dengan menghimpunkan semua agensi Kementerian di bawah satu payung. Alhamdulillah, data sehingga 25 Januari 2021, sebanyak 532 program telah dilaksanakan di seluruh negara, dengan jumlah seramai 124,423 orang telah menerima manfaat sejak dilancarkan. Program ini telah

berjaya menarik minat 40 sektor korporat, 91 NGO dan 1,372 orang sukarelawan sebagai rakan strategik.

Warga Kementerian yang saya kasihi,

8. Kerajaan juga sentiasa cakna dengan keperluan golongan OKU. Sehingga 25 Januari 2021, terdapat seramai 591,286 OKU yang telah berdaftar, namun jumlah ini masih lagi rendah. Saya menyeru supaya warga Kementerian menjadi “mata dan telinga” Kerajaan dengan menggiatkan lebih usaha untuk membantu lebih ramai OKU didaftarkan pada masa akan datang dan supaya mereka tidak terpinggir daripada mengikuti manfaat dan program-program untuk membina daya tahan, membangunkan daya kemahiran, serta dapat meningkatkan fungsi sosial mereka dalam komuniti.

HARAPAN BAGI TAHUN 2021

Warga Kementerian yang budiman,

9. Pada tahun 2021, Kementerian beriltizam untuk meneruskan pelbagai inisiatif sama ada penambahbaikan kepada program sedia ada mahupun program baharu yang diperkenalkan. Sebanyak 2.5 bilion ringgit telah diperuntukkan. Daripada jumlah tersebut, 2.4 bilion ringgit adalah Peruntukan Mengurus, manakala 125.6 juta ringgit adalah Peruntukan Pembangunan. Saya percaya dengan peruntukan yang disediakan ini merupakan satu amanah untuk kita

mengerakkan segala inisiatif 2021 yang dirancang untuk digerakkan.

10. Selain daripada itu, Kementerian juga telah diberi peruntukan tambahan sebanyak 791 juta ringgit seperti yang diumumkan dalam ucapan Belanjawan 2021, ia tentunya akan memberi manfaat kepada semua kumpulan sasar sama ada daripada segi kenaikan insentif bantuan, program pemerksaan mahupun program khidmat sokongan. Tambahan peruntukkan yang diterima oleh Kementerian ini akan sedikit sebanyak dapat memberi manfaat kepada kesemua kumpulan sasar dibawah Kementerian yang terdiri dari Orang Kurang Upaya, Warga Emas, Keluarga, Kanak-Kanak, Mangsa Bencana, Wanita, NGO, sukarelawan, mangsa keganasan rumahtangga, Orang Papa. Khabar gembira ini termasuklah:
 11. PERTAMA, penerima Bantuan Warga Emas akan menerima kenaikan daripada 350 ringgit kepada 500 ringgit sebulan.
 12. KEDUA, bagi golongan OKU, pelbagai inisiatif akan ditambahbaik seperti, Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja yang dinaikkan daripada 250 ringgit kepada 300 ringgit sebulan.
 13. Keprihatinan Kerajaan tidak terhenti setakat itu sahaja, Penjagaan OKU dan Bantuan Pesakit Kronik Terlantar turut dinaikkan daripada 350 ringgit kepada 500 ringgit sebulan. Tidak cukup dengan peningkatan tersebut, Elaun Pekerja

OKU juga telah dinaikkan daripada 400 ringgit kepada 450 ringgit dan bantuan ini adalah bersifat bulanan. Bagi pasangan OKU yang bekerja pula, had pelepasan cukai telah dinaikkan daripada 3,500 ringgit kepada 5,000 ringgit.

14. KETIGA, bagi Bantuan Kanak-Kanak keluarga miskin, sebelum ini sebanyak 100 ringgit diperuntukkan bagi seorang kanak-kanak dengan kadar maksimum 450 ringgit sekeluarga sebulan. Bagi tahun 2021, kadar ini telah dinaikkan kepada 200 ringgit bagi seorang anak yang berumur 6 tahun ke bawah dan 150 ringgit seorang bagi seorang anak yang berumur 7 hingga 18 tahun dengan kadar maksimum 1000 ringgit sekeluarga sebulan. Ini bermakna, satu keluarga yang berkelayakan akan menerima 12,000 ringgit setahun.
15. KEEMPAT, had pelepasan cukai ke atas perbelanjaan bagi rawatan perubatan, keperluan khas dan penjagaan ibu bapa juga dinaikkan daripada 5,000 ringgit kepada 8,000 ringgit dan
16. KELIMA, menyokong institusi keluarga dengan inisiatif penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak atau TASKA di tempat kerja dengan peruntukan sebanyak 30 juta ringgit, untuk pengoperasian 150 buah taska di bangunan kerajaan. Sesungguhnya usaha ini telah memberi ruang dan peluang kepada lebih ramai ibu bapa terutamanya wanita keluar bekerja bagi membantu meningkatkan ekonomi negara.

17. Meneliti data sehingga 25 Januari 2021, Kementerian mendapati sebanyak 35,237 buah keluarga di Malaysia telah menikmati jumlah kumulatif melebihi satu ribu ringgit untuk bantuan kewangan setiap bulan.
18. Saya berharap agar dengan peningkatan kadar bantuan ini, kumpulan sasar di bawah Kementerian akan dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Hatta, saya mengharapkan kerjasama semua Warga Kementerian, agar kita pasakkan semangat dan iltizam untuk bergerak sebagai “SATU KELUARGA” tanpa mengira agensi mana kita bernaung, seterusnya menjadi “AGEN PENYAMPAI” dalam membantu menguar-uarkan berita-berita baik dari Kerajaan ini kepada Kumpulan Sasar yang disantuni, agar tiada yang tertinggal dalam memperolehi khabar gembira ini.

PROGRAM QUICK WINS KPWK

Warga Kementerian yang saya sayangi,

19. Pada tahun ini, Kementerian telah mengenal pasti beberapa program berbentuk quick wins yang boleh memberi manfaat dan impak segera kepada kumpulan sasar, iaitu dalam jangka masa antara tiga hingga empat bulan pelaksanaan.
20. Saya mencadangkan agar program quick wins ini dijadikan Sasaran Kerja Tahunan atau ringkasnya SKT bagi setengah tahun pertama Kementerian selain menjadi agenda utama perbincangan dalam penganjuran Retreat Kementerian.

Semua program quick wins ini akan didokumentasikan dalam halatuju Kementerian tahun 2021.

21. Pepatah ada menyatakan, ‘alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan’, “alang-alang menggenggam bara, biar sampai menjadi abu”. kita telah bersama-sama merancang, maka marilah kita bersama-sama melaksanakan tugas yang diamanahkan sehingga ke akhirnya. Saya berharap setiap warga Kementerian akan bersama-sama berganding bahu, memberi sepenuh komitmen dan kerjasama jitu bagi memastikan setiap program quick wins dapat dilaksanakan hingga mencapai sasarannya bak pantun berikut:

**APA GUNA MEMAKAI BATIK,
KALAU CORAKNYA TIDAK SEMPURNA;
APA GUNA PERANCANGAN YANG CANTIK,
KALAU TIDAK DIPADUKAN USAHA.**

“BERSATU KITA TEGUH, BERCERAI KITA ROBOH”,

Warga Kementerian yang dikasihi,

22. Dunia hari ini bergerak begitu pantas dan urusan ekonomi kita tidak terlepas dari mendapat tempiasnya. Untuk ini, Kerajaan menerusi Inisiatif Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian ataupun 4IR akan diperkasakan bagi mendepani dan memenuhi gaya hidup masa kini. Usaha – usaha inisiatif transformasi digital akan terus dipertingkatkan bagi

memastikan masyarakat menghadapi perubahan cara kerja dalam Norma Baharu yang memerlukan kecekapan, kecepatan dan lebih telus. Antaranya, menggalakkan semua permohonan perkhidmatan bantuan JKM dijalankan secara dalam talian atau online, serta memantapkan pangkalan data sedia ada melalui sistem eBantuan JKM. Saya turut berharap agar pada tahun 2021, inisiatif atas talian terus diterokai dan diperkembangkan; antaranya memikirkan kaedah terbaik untuk memaklumkan notifikasi penyampaian bantuan kepada penerima bantuan menerusi telefon bimbit dengan pantas, efisien dan tepat.

23. Selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya turut merasai cabaran warga Kementerian, terutamanya warga JKM berikutan beban kerja yang semakin hari semakin meningkat dalam suasana yang penuh mencabar. Sudah pasti sedikit sebanyak ia mempengaruhi emosi dan tenaga kita untuk bekerja di lapangan bagi memberikan yang terbaik untuk rakyat meskipun tiada antara kita yang merungut mahupun mengeluh.
24. Kepada warga JKM, saya berterima kasih kepada semuanya kerana dengan jumlah warga kerja yang begitu kecil, pada hemat saya, anda semua telah memberikan yang terbaik buat rakyat. Terima kasih JKM.... Saya mohon bersabarlah dan teruskan memberi khidmat yang terbaik. Saya akan usahakan yang terbaik buat semua. Menyedari hakikat ini, struktur organisasi di Kementerian dan Agensi juga sedang dikaji bagi

memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar berada pada tahap yang terbaik.

25. Memandangkan terdapat peningkatan kes-kes sosial akibat Pandemik COVID-19 terutamanya yang melibatkan kanak-kanak, terdapat keperluan untuk menambah bilangan Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak di JKM. Justeru itu, Kementerian telah mengemukakan permohonan untuk melantik seramai 1,122 orang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 secara Contract of Service kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Sama-samalah kita berdoa agar usaha kita dipermudahkan.
26. Seperti yang termaklum bahawa, lembaran tahun 2021 juga telah dibuka dengan inisiatif terbaharu Kementerian iaitu penubuhan satu pasukan sukarelawan yang dikenali dengan nama Skwad Prihatin Negara. Skwad ini ditubuhkan sebagai kesinambungan kepada Kembara Prihatin Negara dan dengan pembentukan skuad ini ia sangat signifikan dan relevan kerana saya berpandangan penglibatan sukarelawan dapat membantu Kementerian menangani banyak isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian.
27. Bukan hanya itu, dengan skuad ini, saya amat berharap semangat saling bantu – membantu ini bukan sahaja dapat diterapkan di kalangan masyarakat, malahan lebih penting lagi di kalangan warga kerja Kementerian.

28. Misi turun padang pertama Skuad Prihatin Negara telah dimulakan di Kampung Kelantan di Kota Tinggi, Johor. Sekali lagi, Saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua sukarelawan yang telah terlibat khususnya Kelab Sukan dan Kebajikan atau ringkasnya KESKEB, PUSPANITA dan seluruh warga kerja Kementerian yang budiman.
29. Saya tidak menyangka sambutan yang begitu menggalakkan diterima daripada warga Kementerian dalam menyertai skuad ini. Inilah semangat kesukarelawanan yakni suka dan rela yang saya harapkan. Semoga ia akan terus dihidupkan di Kementerian ini dan disebar luaskan ke program – program yang lain di Kementerian pada masa akan datang. Melihat wajah – wajah gembira penduduk kampung yang telah kita bantu sudah cukup menggembirakan hati saya, walaupun mungkin usaha yang kita hulurkan tidak mampu mengganti kemusnahan harta benda yang mereka dilalui. Terima kasih sekali lagi atas segala usaha dan penat lelah semua. Hanya Allah jua yang mampu membalas segalanya.
30. Sebagai tanda terima kasih saya buat KESKEB Dan PUSPANITA, saya berbesar hati untuk menyumbang sejumlah 10,000 ringgit buat PUSPANITA dan 10,000 ringgit buat KESKEB. Harapan saya, moga sumbangan ini akan menjadi satu suntikan semangat buat ahli PUSPANITA dan KESKEB untuk terus melaksanakan kerja – kerja kesukarelawanan dan lebih banyak aktiviti yang bermanfaat

dapat dilaksanakan untuk ahli kelab masing – masing pada tahun ini.

31. Di samping itu, sebagai tanda meraikan seramai 910 orang anak-anak warga Kementerian yang akan memasuki era persekolahan Darjah 1 pada Tahun 2021, maka saya dengan sukacitanya ingin menyumbangkan sebanyak 910 Beg Sekolah kepada anak-anak bertuah tersebut. Semoga pemberian ini menjadi inspirasi kepada anak-anak kita untuk terus mendalami ilmu dan menyelami alam persekolahan.

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

32. Kementerian sentiasa berusaha sedaya upaya serta bersikap terbuka demi kepentingan rakyat. Saya berdoa semoga tahun 2021 dapat memberi titis harapan supaya semua aspirasi seperti yang dihasratkan dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 2021 – 2025 dapat direalisasikan seperti yang telah dirancang, yang mana saya percaya ia akan dapat meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat.
33. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin berpesan kepada semua warga Kementerian untuk terus memasakkan semangat bekerja yang jitu dan dapat mengadaptasikan norma kerja yang baharu tanpa menjejaskan kualiti

penyampaian perkhidmatan. Sebagai penjawat awam, bersyukurlah bahawa kita masih mempunyai pekerjaan dan masih menerima gaji yang secukupnya, tanpa ada kehilangan pendapatan. Lihatlah sebilangan insan yang kurang bernasib baik di luar sana, yang terjejas akibat COVID-19, yang mengakibatkan mereka kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Syukurilah nikmat rezeki yang masih ada pada kita.

34. Akhir kata, saya menyeru warga Kementerian agar kita bergerak sebagai “SATU PASUKAN dan SATU KELUARGA” yang mantap, berintegriti dan dinamik dalam menjayakan agenda Kementerian dalam membina Malaysia yang sejahtera.
35. Dengan ini, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2021, dan marilah kita bersama-sama menghayati serta membudayakan norma baharu dalam menjalani kehidupan seharian dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Kepada warga yang beragama Hindu, saya ucapkan Selamat Hari Thaipusam.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.